



**UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

**KESALAHAN TATABAHASA DAN TANDA BACAAN PELAJAR-  
PELAJAR MELAYU DI PERINGKAT SEKOLAH MENENGAH BAWAH  
DAERAH BRUNEI/MUARA DAN DAERAH TUTONG:  
SATU PERBANDINGAN**

**PENGIRAN MAHMUD BIN PENGIRAN DAMIT**

**FPP 1992 4**

**KESALAHAN TATABAHASA DAN TANDA BACAAN  
PELAJAR-PELAJAR MELAYU DI PERINGKAT SEKOLAH  
MENENGAH BAWAH DAERAH BRUNEI/MUARA DAN  
DAERAH TUTONG: SATU PERBANDINGAN**

**PENGIRAN MAHMUD BIN PENGIRAN DAMIT**

**Master Sains  
Universiti Pertanian Malaysia**

**November 1992**



**KESALAHAN TATABAHASA DAN TANDA BACAAN  
PELAJAR-PELAJAR MELAYU DI PERINGKAT SEKOLAH  
MENENGAH BAWAH DAERAH BRUNEI/MUARA DAN  
DAERAH TUTONG: SATU PERBANDINGAN**

**Oleh**

**PENGIRAN MAHMUD BIN PENGIRAN DAMIT**

**Tesis Yang Dikemukakan Untuk Memenuhi  
Sebahagian Daripada Syarat Bagi Mendapatkan Ijazah  
Master Sains di Fakulti Pengajian Pendidikan  
Universiti Pertanian Malaysia**

**November 1992**



**Buat semua pencinta:  
Bahasa Melayu,  
Bahasa Malaysia  
dan Bahasa Indonesia  
di seluruh rantau Nusantara**

## PENGHARGAAN

Penulis dengan rasa rendah diri memanjatkan syukur ke hadirat Allah SWT yang telah melimpahkan rahmat, taufiq dan hidayat-Nya kepada penulis untuk dapat menyiapkan tesis ini dengan jayanya.

Ucapan penghargaan dan terima kasih yang tidak terhingga penulis tujukan kepada Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam, melalui Universiti Brunei Darussalam, yang telah menganugerahkan skim Latihan Dalam Perkhidmatan kepada penulis untuk mengikuti program Master Sains (PBMP) di Universiti Pertanian Malaysia.

Penulis sukacita merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih terutama kepada Profesor Madya Dr. Abdul Hamid Mahmood, Timbalan Dekan (HEP) di Fakulti Pengajian Pendidikan UPM (sebagai Penasihat/Ketua Penyelia); Profesor Madya Dr. Haji Amat Juhari Moain, Pengarah Pusat Islam UPM (sebagai penyelia I); dan Tuan Haji Arbak Othman, Pensyarah Bahasa dan Linguistik di Jabatan Bahasa, UPM (sebagai penyelia II), kerana jasa, tunjuk ajar, teguran dan bimbingan mereka yang tidak mengenal penat lelah terhadap kerja-kerja menyiapkan tesis ini dari awal hingga akhir.

Ucapan penghargaan dan terima kasih juga penulis tujukan kepada Encik Mohd. Majid Konting, Pensyarah Statistik di Fakulti Pengajian Pendidikan, UPM, kerana telah sudi menyemak dan memberi teguran terhadap



semua perkiraan, analisis data dan interpretasi data yang terdapat dalam tesis ini.

Seterusnya ucapan penghargaan dan terima kasih penulis tujukan kepada semua pihak yang telah membantu penulis dalam usaha melengkapkan dan menyiapkan tesis ini, terutama:

- Awang Haji Md. Jamuddin Sahat, yang telah sudi memberi kebenaran kepada penulis untuk melakukan soal selidik dan menjalankan ujian-ujian di kalangan pelajar-pelajar sampel, Awang Haji Md. Yusof Md. Daud, yang telah sudi memberi kebenaran kepada penulis untuk membuat kajian tentang keputusan peperiksaan BJCE/SRPB bagi tahun-tahun 1985 - 1989, Awang Lim Jock Jin, yang telah sudi memberikan daftar lengkap tentang keramaian guru dan pelajar bagi sekolah-sekolah menengah seluruh negara tahun 1990, Encik Mustafa Kamal Musa, yang telah berpenat lelah kerana menolong membuat perkiraan statistik bagi data-data kajian, dan Cik Armi Shamsuar, yang telah sudi meluangkan masa untuk menaip semula draf naskhah ini.
- Pengetua-pengetua dan Timbalan-timbalan Pengetua di keempat-empat buah sekolah yang menjadi sampel kajian yang nama mereka tidak dapat disebutkan satu persatu, serta guru-guru bahasa yang mengajar di keempat-empat buah sekolah terlibat dalam kajian, yang telah banyak memberikan kerjasama yang sangat tinggi

nilainya, juga nama mereka itu tidak dapat penulis nyatakan di sini satu persatu.

- Akhirnya kepada setiap individu yang telah turut menyumbangkan jasa bakti berkaitan dengan penyelidikan, pengumpulan bahan, dan sokongan moral kepada penulis terhadap penulisan tesis ini hingga selesai, yang nama mereka itu juga tidak dapat penulis senaraikan satu persatu.

Sekian, dan sekali lagi penulis mengucapkan terima kasih kepada semua.

## JADUAL KANDUNGAN

Muka Surat

PENGHARGAAN .....	iii
SENARAI JADUAL .....	ix
SENARAI SINGKATAN .....	xiv
ABSTRAK .....	xvi
ABSTRACT .....	xix
<b>BAB</b>	
<b>I PENDAHULUAN .....</b>	<b>1</b>
Pengenalan .....	1
Latar Belakang .....	1
Hubungan Brunei-Malaysia dalam Pendidikan .....	4
Faktor-faktor Penyebab Kesalahan Bahasa .....	9
Penilaian Kesalahan .....	12
Pengajaran Tatabahasa .....	13
Pernyataan Masalah .....	21
Kepentingan .....	21
Tujuan Kajian .....	25
Pembatasan Kajian .....	25
Landasan Kajian .....	29
Definisi Operasional .....	32
Hipotesis .....	37
<b>II SOROTAN KAJIAN YANG BERKAITAN .....</b>	<b>39</b>
Pengenalan .....	39
Pendapat Umum Tentang Kesalahan Bahasa .....	41
Tinjauan Kajian di Barat .....	47
Tinjauan Kajian di Malaysia .....	54
Tinjauan Kajian di Negara Brunei	
Darussalam .....	61
Kesimpulan Umum .....	67
<b>III METODOLOGI PENYELIDIKAN .....</b>	<b>68</b>
Pengenalan .....	68
Persampelan atau Contohan .....	69
Alat-alat Ujian .....	73
Prakaji Ujian .....	76
Pengumpulan Data .....	76
Pemprosesan Data .....	77
Penganalisan Data .....	78





<b>IV</b>	<b>KEPUTUSAN DAN PERBINCANGAN .....</b>	<b>79</b>
	Pengenalan .....	79
	Jumlah Kesalahan dan Analisis Keseluruhan bagi Ujian Karangan Bertulis dan Ujian Objektif .....	80
	Analisis Kesalahan dalam Ujian Karangan Bertulis .....	86
	Analisis Kesalahan dalam Ujian Objektif .....	91
	Analisis Kesalahan dalam Ujian Karangan Menurut SES .....	99
	Analisis Kesalahan dalam Ujian Objektif Menurut SES .....	104
	Analisis Kesalahan dalam Ujian Karangan dan Ujian Objektif Secara Perkiraan Purata .....	108
	Perbincangan Aspek-aspek Kesalahan Tatabahasa .....	118
	Kesalahan Pembentukan Ayat .....	119
	Kesalahan Penggunaan Perkataan .....	136
	Kesalahan Penggunaan Tanda Bacaan (TB) .....	152
	Kesalahan Penggunaan Imbuhan (IM) .....	155
	Kesalahan-kesalahan dalam Ujian Objektif .....	162
	Kesalahan Penggunaan Tanda Bacaan dan Huruf Besar (TB) .....	163
	Kesalahan Penggunaan Imbuhan (IM) .....	167
	Kesalahan Penggunaan Perkataan (PK) .....	171
	Kesalahan Binaan Ayat (AY) .....	175
<b>V</b>	<b>KESIMPULAN DAN CADANGAN .....</b>	<b>181</b>
	Pengenalan .....	181
	Kesimpulan .....	181
	Kesimpulan Umum .....	182
	Hasil Perkiraan dan Perbandingan .....	185
	Ulasan Hasil Perbandingan .....	188
	Cadangan .....	192
	Cadangan Memperbaiki Kelemahan .....	193
	Cadangan Penyelidikan Selanjutnya .....	197
	<b>BIBLIOGRAFI .....</b>	<b>199</b>
	Rujukan Tambahan .....	208
	<b>LAMPIRAN</b>	
	<b>A Soalan Ujian Menulis Karangan .....</b>	<b>213</b>
	<b>B Soalan Ujian Objektif Pelbagai Pilihan .....</b>	<b>216</b>
	<b>C Soal Selidik Latar Belakang Sosioekonomi Sampel....</b>	<b>230</b>

**Muka Surat**

D Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu (Tatabahasa) Tingkatan I - III .....	234
E Keputusan Peperiksaan Sijil Pelajaran Rendah (SPR) Bahasa Melayu 1987 - 1989 .....	243
F Keputusan Peperiksaan Sijil Rendah Pelajaran Brunei (SRPP) Bahasa Melayu 1985 - 1989 .....	251
G Kandungan Bab 82 (1) hingga (5) Perlembagaan Brunei 1959 .....	258
H Keterangan Tentang Daerah Brunei/Muara dan Daerah Tutong .....	262
LATAR DIRI .....	264



## SENARAI JADUAL

Jadual		Muka Surat
1	Jumlah Kesalahan Tatabahasa dan Tanda Bacaan dalam Ujian Karangan Bertulis dan Ujian Objektif .....	80
2	Keputusan Ujian-T (Karangan) bagi Kumpulan Pelajar Daerah Brunei/Muara dengan Kumpulan Pelajar Daerah Tutong .....	82
3	Keputusan Ujian T (Objektif) bagi Kumpulan Pelajar Daerah Brunei/Muara dengan Kumpulan Pelajar Daerah Tutong .....	83
4	Keputusan Ujian-T (Karangan) bagi Kelompok Sampel Lelaki Berbanding dengan Kelompok Sampel Perempuan .....	84
5	Keputusan Ujian-T (Objektif) bagi Kumpulan Pelajar Daerah Brunei/Muara dengan Kumpulan Pelajar Daerah Tutong .....	85
6	Kesalahan Tatabahasa dan Tanda Bacaan bagi Setiap Kumpulan Sampel dalam Ujian Karangan .....	86
7	Keputusan Ujian-T (Karangan) bagi Kumpulan Pelajar Lelaki Daerah Brunei/Muara (LBM) dengan Kumpulan Pelajar Lelaki Daerah Tutong (LDT) .....	88
8	Keputusan Ujian-T (Karangan) bagi Kumpulan Pelajar Perempuan Daerah Brunei/Muara (PBM) dengan Kumpulan Pelajar Perempuan Daerah Tutong (PDT) .....	89
9	Keputusan Ujian-T (Karangan) bagi Kumpulan Pelajar Lelaki Daerah Brunei/Muara (LBM) dengan Kumpulan Pelajar Perempuan Brunei/Muara (PBM) .....	90
10	Keputusan Ujian-T (Karangan) bagi Kumpulan Pelajar Lelaki Daerah Tutong (LDT) dengan Kumpulan Pelajar Perempuan Daerah Tutong (PDT) .....	90
11	Jumlah dan Purata Kesalahan dalam Karangan yang Dilakukan oleh Keseluruhan Sampel .....	91

Jadual		Muka Surat
12	Kesalahan Tatabahasa dan Tanda Bacaan bagi Setiap Kumpulan Sampel dalam Ujian Objektif .....	93
13	Keputusan Ujian-T (Objektif) bagi Kumpulan Pelajar Lelaki Daerah Brunei/Muara (LBM) dengan Kumpulan Pelajar Lelaki Daerah Tutong (LDT) .....	95
14	Keputusan Ujian-T (Objektif) bagi Kumpulan Pelajar Perempuan Daerah Brunei/Muara (PBM) dengan Kumpulan Pelajar Perempuan Daerah Tutong (PDT) .....	96
15	Keputusan Ujian-T (Objektif) bagi Kumpulan Pelajar Lelaki Daerah Brunei/Muara (LBM) dengan Kumpulan Pelajar Perempuan Brunei/Muara (PBM) .....	97
16	Keputusan Ujian-T (Objektif) bagi Kumpulan Pelajar Lelaki Daerah Tutong (LDT) dengan Kumpulan Pelajar Perempuan Daerah Tutong (PDT) .....	98
17	Jumlah dan Purata Kessalahan dalam Ujian Objektif yang dilakukan oleh Keseluruhan Sampel .....	99
18	Kesalahan Tatabahasa dan Tanda Bacaan bagi Setiap Kumpulan SES Sampel dalam Ujian Karangan .....	101
19	Kesalahan Tatabahasa dan Tanda Bacaan Secara Purata bagi Setiap Kumpulan SES Sampel dalam Ujian Karangan .....	106
20	Keputusan Perkiraan Anova bagi Kumpulan-Kumpulan Sampel Menurut Status Ekonomi Sosial dalam Ujian Karangan .....	103
21	Kesalahan Tatabahasa dan Tanda Bacaan bagi Setiap Kumpulan SES Sampel dalam Ujian Objektif ...	105
22	Kesalahan Tatabahasa dan Tanda Bacaan Secara Purata bagi Setiap Kumpulan SES Sampel dalam Ujian Objektif .....	106
23	Keputusan Perkiraan Anova bagi Kumpulan-Kumpulan Sampel Menurut Status Ekonomi Sosial dalam Ujian Objektif .....	108



Jadual	Muka Surat
24	Kekerapan Kesalahan Tatabahasa dan Tanda Bacaan bagi Kumpulan-Kumpulan Sampel dalam Ujian Karangan dan Ujian Objektif Secara Purata ..... 109
25	Kekerapan Kesalahan Tatabahasa dan Tanda Bacaan bagi Kumpulan-Kumpulan Status Ekonomi Sosial (SES) dalam Ujian Karangan dan Ujian Objektif Secara Purata ..... 110
26	Keputusan Ujian-T (Markat Purata) bagi Kumpulan SES Sederhana Tinggi (KSESST) dengan Kumpulan SES Tinggi (KSEST) ..... 111
27	Keputusan Ujian-T (Markat Purata) bagi Kumpulan SES Sederhana (KSESS) dengan Kumpulan SES Tinggi (KSEST) ..... 112
28	Keputusan Ujian-T (Markat Purata) bagi Kumpulan SES Rendah (KSESR) dengan Kumpulan SES Tinggi (KSEST) ..... 113
29	Keputusan Ujian-T (Markat Purata) bagi Kumpulan SES Sederhana (KSESS) dengan Kumpulan SES Sederhana Tinggi (KSESST) ..... 114
30	Keputusan Ujian-T (Markat Purata) bagi Kumpulan SES Rendah (KSESR) dengan Kumpulan SES Sederhana Tinggi (KSESST) ..... 114
31	Keputusan Ujian-T (Markat Purata) bagi Kumpulan SES Sederhana (KSESS) dengan Kumpulan SES Rendah (KSESR) ..... 115
32	Keputusan Ujian-T (Markat Purata) bagi Kumpulan SES Rendah (KSESR) dengan Kumpulan SES Sederhana Rendah (KSESSR) ..... 116
33	Keputusan Ujian-T (Markat Purata) bagi Kumpulan SES Sederhana Rendah (KSESSR) dengan Kumpulan SES Tinggi (KSEST) ..... 117
34	Keputusan Ujian-T (Markat Purata) bagi Kumpulan SES Sederhana Rendah (KSESSR) dengan Kumpulan SES Sederhana Tinggi (KSESST) ..... 117



Jadual	Muka Surat
35	Keputusan Ujian-T (Markat Purata) bagi Kumpulan SES Sederhana (KSESS) dengan Kumpulan SES Sederhana Rendah (KSESSR) ..... 118
36	Kekerapan Kesalahan Pembentukan Ayat bagi Setiap Kumpulan Sampel dalam Ujian Karangan ..... 120
37	Kekerapan Kesalahan Penggunaan Perkataan bagi Setiap Kumpulan Sampel dalam Ujian Karangan ..... 137
38	Kekerapan Kesalahan Penggunaan Tanda Bacaan dan Huruf Besar bagi Setiap Kumpulan Sampel dalam Ujian Karangan ..... 153
39	Kekerapan Kesalahan Penggunaan Imbuhan bagi Setiap Kumpulan Sampel dalam Ujian Karangan ..... 156
40	Jumlah Kekerapan dan Peratus Kesalahan Tatabahasa dan Tanda Bacaan bagi Setiap Kumpulan Sampel dalam Ujian Objektif ..... 163
41	Jumlah Kekerapan Kesalahan Penggunaan Tanda Bacaan dan Huruf Besar dalam Ujian Objektif Pelbagai Pilihan ..... 165
42	Jumlah Kekerapan Kesalahan Penggunaan Imbuhan dalam Ujian Objektif Pelbagai Pilihan ..... 168
43	Jumlah Kekerapan Kesalahan Penggunaan Perkataan dalam Ujian Objektif Pelbagai Pilihan ..... 172
44	Jumlah Kekerapan Kesalahan Pembentukan Ayat dalam Ujian Objektif Pelbagai Pilihan ..... 176
45	Keputusan Peperiksaan Sijil Pelajaran Rendah (SPR/ PCE) Bahasa Melayu 1987, Daerah Brunei/Muara ..... 244
46	Keputusan Peperiksaan Sijil Pelajaran Rendah (SPR/ PCE) Bahasa Melayu 1988, Daerah Brunei/Muara ..... 245
47	Keputusan Peperiksaan Sijil Pelajaran Rendah (SPR/ PCE) Bahasa Melayu 1989, Daerah Brunei/Muara ..... 246
48	Keputusan Peperiksaan Sijil Pelajaran Rendah (SPR/ PCE) Bahasa Melayu 1987, Daerah Tutong ..... 248



Jadual		Muka Surat
49	Keputusan Peperiksaan Sijil Pelajaran Rendah (SPR/PCE) Bahasa Melayu 1988, Daerah Tutong .....	249
50	Keputusan Peperiksaan Sijil Pelajaran Rendah (SPR/PCE) Bahasa Melayu 1989, Daerah Tutong .....	250
51	Keputusan Peperiksaan Sijil Rendah Pelajaran Brunei/Brunei Junior Certificate of Education (SRPB/BJCE) Tahun 1985 bagi Mata Pelajaran Bahasa Melayu .....	252
52	Keputusan Peperiksaan Sijil Rendah Pelajaran Brunei/Brunei Junior Certificate of Education (SRPB/BJCE) Tahun 1986 bagi Mata Pelajaran Bahasa Melayu .....	253
53	Keputusan Peperiksaan Sijil Rendah Pelajaran Brunei/Brunei Junior Certificate of Education (SRPB/BJCE) Tahun 1987 bagi Mata Pelajaran Bahasa Melayu .....	254
54	Keputusan Peperiksaan Sijil Rendah Pelajaran Brunei/Brunei Junior Certificate of Education (SRPB/BJCE) Tahun 1988 bagi Mata Pelajaran Bahasa Melayu .....	255
55	Keputusan Peperiksaan Sijil Rendah Pelajraan Brunei/Brunei Junior Certificate of Education (SRPB/BJCE) Tahun 1989 bagi Mata Pelajaran Bahasa Melayu .....	256



## SENARAI SINGKATAN

AY	-	Pembentukan Ayat
AY1	-	Ayat yang tidak lengkap
AY2	-	Ayat yang gramatis binaannya
BI	-	Bahasa Inggeris
BM	-	Bahasa Melayu
Bil(n)	-	Bilangan Sampel
D	-	Daerah
DF	-	Degree of Freedom (Darjah Kebebasan)
F Value	-	Nilai F
IM	-	Penggunaan Imbuhan
IM1	-	Penggunaan Awalan
IM2	-	Penggunaan Akhiran
IM3	-	Penggunaan Apitan
J	-	Jenis
Jum	-	Jumlah
Kar	-	Karangan
K/Kum/Kump	-	Kumpulan
K Sam	-	Kumpulan Sampel
KSESR	-	Kumpulan Status Ekonomi Sosial Rendah
KSESSR	-	Kumpulan Status Ekonomi Sosial Sederhana Rendah
KSESS	-	Kumpulan Status Ekonomi Sosial Sederhana
KSESST	-	Kumpulan Status Ekonomi Sosial Sederhana Tinggi
KSEST	-	Kumpulan Status Ekonomi Sosial Tinggi
LBM	-	Lelaki Daerah Brunei dan Muara
LDT	-	Lelaki Daerah Tutong
Min	-	Purata (Mean)
MS	-	Mean of Square (Min Ganda Dua)
NBD	-	Negara Brunei Darussalam
Nilai-T	-	Hasil Perkiraan Ujian-T
Obj	-	Ujian Objektif
P	-	Penggunaan
Pr/(P)	-	Purata (Min)
Prob	-	Probability (Kebarangkalian)
Prob F	-	Nilai Kebarangkalian F
$P < 0.05$	-	Nilai Aras Keertian
Pur K	-	Purata Kesalahan
PBM	-	Perempuan Daerah Brunei dan Muara
PDT	-	Perempuan Daerah Tutong
PK	-	Penggunaan Perkataan
PK1	-	Kata Bantu Aspek
PK2	-	Kata Umum
PK3	-	Kata Sendi
PK4	-	Ganti Nama



PK5	-	Penjodoh Bilangan
PK6	-	Pergandaan
PK7	-	Partikel
SD	-	Standard Deviation (Sisihan Pawai)
SE	-	Standard Error (Ralat Pawai)
Sed	-	Sederhana
SES	-	Status Ekonomi Sosial
SS	-	Sum of Square (Jumlah Ganda Dua)
T	-	Tanda
TB	-	Penggunaan Tanda Bacaan
TB1	-	Tanda Koma dan Noktah (, dan .)
TB2	-	Tanda Koma Bertitik dan Titik Bertindih (; dan :)
TB3	-	Tanda Pengikat Kata ("...")
TB4	-	Tanda Sempang ( - )
TB5	-	Huruf Besar
%	-	Peratus

Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Pertanian Malaysia sebagai memenuhi sebahagian daripada keperluan untuk mendapatkan Ijazah Master Sains.

**KESALAHAN TATABAHASA DAN TANDA BACAAN  
PELAJAR-PELAJAR MELAYU DI PERINGKAT SEKOLAH  
MENENGAH BAWAH DAERAH BRUNEI/MUARA DAN  
DAERAH TUTONG: SATU PERBANDINGAN**

Oleh

**PENGIRAN MAHMUD BIN PENGIRAN DAMIT**

**November 1992**

Pengerusi: Prof. Madya Dr. Abdul Hamid Mahmood

Fakulti: Fakulti Pengajian Pendidikan

Penyelidikan ini cuba mendapatkan data tentang kesalahan tatabahasa dan tanda bacaan yang dilakukan oleh pelajar-pelajar Melayu yang belajar di Tingkatan Dua, iaitu dua buah sekolah menengah dari daerah Tutong, dan dua buah sekolah menengah dari daerah Brunei/Muara. Dua bentuk ujian telah dikemukakan kepada sampel, iaitu ujian menulis karangan dan ujian objektif pelbagai pilihan. Kedua-dua ujian tersebut bertujuan untuk mencari kesalahan dalam aspek penggunaan imbuhan, penggunaan perkataan, pembentukan ayat dan penggunaan tanda bacaan. Setelah semua data diproses dan dianalisis, penyelidikan ini telah menghasilkan dapatan-dapatan dan rumusan-rumusan seperti yang berikut: (i) Dalam 200 buah karangan yang jumlah perkataannya lebih kurang 30,000 patah, didapati sampel telah melakukan kesalahan sebanyak 1,736. Purata kesalahan bagi setiap sampel adalah 8.68. Sementara dalam ujian objektif pelbagai pilihan yang mempunyai sebanyak 10,000 soalan semuanya, didapati sampel telah melakukan



kesalahan sebanyak 2,030. Purata kesalahan setiap sampel bagi ujian ini adalah sebanyak 10.15. Jumlah kesalahan bagi setiap sampel untuk kedua-dua ujian adalah sebanyak 18.83 kali, atau sebanyak 9.4 bagi setiap sampel untuk satu jenis ujian, (ii) Dalam ujian karangan aspek yang paling tinggi kekerapan kesalahannya dilakukan sampel ialah pembentukan ayat, iaitu sebanyak 624 atau 35.94%. Sementara dalam ujian objektif pelbagai pilihan pula didapati kesalahan aspek tanda bacaan yang paling tinggi kekerapannya, iaitu sebanyak 787 atau 38.77%. Jumlah kesalahan yang paling tinggi kekerapannya bagi kedua-dua ujian ialah aspek tanda bacaan, iaitu sebanyak 1,188, (iii) Dalam ujian karangan, kumpulan sampel yang paling tinggi kekerapan kesalahannya ialah Kumpulan Lelaki Daerah Brunei/Muara (LBM), iaitu sebanyak 519 kesalahan. Sementara dalam ujian objektif pelbagai pilihan, kumpulan sampel yang paling tinggi kekerapan kesalahannya ialah Kumpulan Lelaki Daerah Tutong (LDT), iaitu sebanyak 571 kesalahan. Kumpulan yang paling banyak melakukan kesalahan bagi kedua-dua ujian ialah Kumpulan Perempuan Daerah Brunei/Muara (PBM), iaitu sebanyak 987 kesalahan, dan (iv) Dalam ujian karangan, kumpulan status ekonomi sosial yang paling tinggi kekerapan kesalahannya ialah Kumpulan Status Ekonomi Sosial Sederhana Tinggi (KSESST), iaitu kesalahan secara purata setiap orang adalah 9.18 kali. Sementara dalam ujian objektif pelbagai pilihan, kumpulan status ekonomi sosial yang paling tinggi kekerapan kesalahannya ialah Kumpulan Status Ekonomi Sosial Rendah (KSESR), iaitu kesalahan secara purata setiap orang adalah 12.89 kali. Kekerapan kesalahan paling tinggi bagi jumlah purata kesalahan kedua-dua ujian untuk setiap kumpulan

sampel ialah dilakukan oleh Kumpulan Status Ekonomi Sosial Rendah (KSESR), iaitu sebanyak 10.81 kali. Walau bagaimanapun, hasil perkiraan anova memperlihatkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan terhadap prestasi antara kumpulan SES tersebut.

Adalah terbukti bahawa pelajar-pelajar Melayu masih lemah terhadap penguasaan bahasa, terutamanya aspek tatabahasa yang dikaji. Keadaan ini dengan sendirinya dapat menggambarkan tahap kemampuan mereka semasa menggunakan bahasa Melayu, yang merupakan bahasa terpenting bagi mereka, iaitu digunakan semasa bertutur dan menulis. Data kajian ini dapat digunakan untuk memperbaiki strategi pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu di peringkat sekolah-sekolah berkenaan.



Abstract of the thesis presented to the Senate of Universiti Pertanian  
Malaysia in partial fulfilment of the requirements for the degree of  
Master of Science.

**GRAMMATICAL AND PUNCTUATION ERRORS AMONG MALAY  
STUDENTS IN THE LOWER SECONDARY SCHOOLS IN  
BRUNEI/MUARA DISTRICT AND TUTONG DISTRICT:  
A COMPARISON STUDY**

By

**PENGIRAN MAHMUD BIN PENGIRAN DAMIT**

**November 1992**

Chairman: Associate Professor Dr. Abdul Hamid Mahmood

Faculty: Faculty of Educational Studies

This research was conducted to gather data on grammatical and punctuation errors committed by Malay students in Form Two from two secondary schools in Tutong district and two secondary schools in Brunei/Muara district. Two types of tests were conducted, i.e. composition writing and multiple-choice objective test. Both tests were done to detect errors in the use of affix, word usage, sentence structure and punctuation marks. The data were then processed and analysed, and the analysis gave the following results: (i) From 200 compositions which consisted of 30,000 words, it was found that the sample committed a total of 1,736 errors. The average errors committed by each sample was 8.68. In the multiple-choice objective tests, the sample committed a total of 2,030 errors in 10,000 questions given. The average number of error committed by each sample was 10.15. The total errors in both tests for each sample was 18.83, or 9.4 for each sample in each test, (ii) In the composition test, most of the errors were



in sentence construction. It was 624 or 35.94%, while in the multiple-choice objective tests, it was in punctuation marks with 787 errors (38.77%). For both test, punctuation marks top the total number of errors done with 1,188 errors, (iii) In the composition test, the sample group with the highest number of errors are boys from the Brunei/Muara District (LBM) with 519 errors. Whilst in the multiple-choice objective test, the sample group with the highest number of frequency errors are boys from the Tutong District with 571 errors. The group having the most number of errors for these two types of tests are girls from the Brunei/Muara District with 987 errors, and (vi) In the composition test, the socio-economic status group which had the greater number of errors was the Middle Socio-economic Status. The average error for each sample was 9.18. While in the multiple-choice objective test, the Lower Socio-economic Status Group had the highest frequency. The average frequency for each sample was 12.09. For each sample, the highest frequency errors for both tests was in the Lower Socio-economic Status Group with 10.81. However, the calculated result showed that there was no significant differences in prestige between the socio-economic groups.

It was found that the Malay students were weak in their command of the language, especially in grammar. The situation itself reflected their capabilities in using the Malay language, as their most important language, which is used for speaking and writing. For survey purpose, the data can be used for improving the strategies for teaching and learning at school levels.

# **BAB 1**

## **PENDAHULUAN**

### **Pengenalan**

#### **Latar Belakang**

Kedudukan Bahasa Melayu (seterusnya BM) sebagai bahasa rasmi dan bahasa kebangsaan di Negara Brunei Darussalam (seterusnya NBD) telah termaktub di dalam Bab 82 (1) hingga (5) Perlembagaan Brunei (tanpa tahun: 122-123) (Lampiran G), iaitu setelah NBD mendapat taraf pemerintahan sendiri dalam negeri pada 29 September 1959. Termaktubnya BM menjadi bahasa rasmi dan sekaligus menjadi bahasa kebangsaan adalah bertepatan dengan perjuangan dan aspirasi rakyat seluruhnya, khasnya bangsa Melayu yang menjadi kumpulan majoriti di NBD (Banci Pertengahan tahun 1988; Melayu 68.6%, Cina 18.0%, Penduduk Asli 5.4% dan lain-lain bangsa 8.0%).

Selaras dengan kandungan Perlembagaan Brunei, maka pada tahun yang sama satu Suruhanjaya Pelajaran telah dibentuk dengan tujuan untuk mengkaji dan meneliti "sistem pelajaran" NBD. Suruhanjaya tersebut telah mengemukakan satu laporan kepada Kerajaan Brunei, iaitu yang lebih dikenali dengan nama Laporan Aminuddin Baki/Paul Chang 1959 (LAB/PC 59). Walau bagaimanapun, kandungan laporan tersebut telah tidak dapat dilaksanakan sepenuhnya disebabkan oleh beberapa perkara seperti kekurangan buku-buku teks dan pakar-pakar pendidikan, perlunya penubuhan lembaga peperiksaan sendiri dan penubuhan universiti sendiri (Kerajaan Brunei, 1972: 7).

Pada bulan Mei 1970 sebuah Suruhanjaya Pelajaran yang baru telah ditubuhkan, yang tugas besarnya ialah untuk meneliti dan membuat penilaian tentang Dasar Pelajaran 1962. Dua tahun kemudian Suruhanjaya tersebut telah menerbitkan laporan pelajaran yang lebih dikenali sebagai Laporan Suruhanjaya Pelajaran 1972 (LSP 1972). Laporan tersebut telah menggariskan lapan Dasar Pelajaran, dan di dalam Dasar I dinyatakan bahawa BM dijadikan bahasa pengantar dalam persekolahan di peringkat sekolah rendah dan menengah (LSP 1972: 11):

"Menjadikan secepat mungkin Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar dalam Sekolah Rendah dan Sekolah Menengah Kebangsaan sesuai dengan kehendak Perlembagaan".

Kandungan LSP 1972 tidak mendapat sokongan menyeluruh di kalangan pihak-pihak yang terlibat dalam pendidikan di NBD, terutama tentang Dasar I seperti yang dinyatakan di atas. Ada pihak-pihak tertentu yang bukan sahaja cuba mengekalkan sistem pendidikan dengan mengamalkan dua aliran, iaitu aliran Melayu dan aliran Inggeris, malah ada yang lebih suka untuk mewujudkan sistem pendidikan dengan menjadikan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar tunggal, golongan ini dirangsangi oleh pegawai-pegawai Inggeris yang menjadi pengarah-pengarah pelajaran pada masa itu. Oleh sebab itu tidak hairanlah jika LSP 1972 juga senasib seperti yang dialami oleh LAB/PC 1959, iaitu kedua-duanya telah gagal dalam pelaksanaan sepenuhnya (Faktor-faktor lain ialah sikap, bahan (sumber) dan organisasi (lihat Misli Hj. Awang & Maidin Hj. Ahmad, 1979: 10 - 13).

Selepas NBD mencapai kemerdekaan penuh pada 1 Januari 1984, satu sistem dan dasar pelajaran baru telah diperkenalkan oleh Yang Berhormat Menteri Pelajaran dan Kesihatan (sekarang Menteri Pendidikan)



Brunei, Pehin Dato Haji Abdul Aziz Haji Umar, pada 9 April 1984. Jika sebelum kemerdekaan dahulu kedua-dua dasar pelajaran yang terkandung dalam LAB/ PC 1959 dan LSP 1972 telah mengutamakan BM menjadi bahasa pengantar yang tunggal dalam Sistem Pelajaran Kebangsaan, Dasar Pelajaran NBD 1984 pula telah memperkenalkan "konsep dwibahasa" (Surat Keliling Jabatan Pelajaran Brunei Bil. 57/1984: 1):

"... dengan ini dimaklumkan bahawa satu sistem aliran dua bahasa (DWIBAHASA) atau *bilingual* akan diadakan secara beransur-ansur mulai dari sekarang. Pembentukan sistem ini adalah dengan maksud mempertimbangkan langkah-langkah pada memperkuat kedudukan Bahasa Melayu di samping tidak mengabaikan kepentingan Bahasa Inggeris untuk menuju ke arah kemahiran dalam kedua-dua Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris".

Matlamat Dasar Pendidikan Kebangsaan yang baru itu telah menggariskan tujuh dasar utama. Dalam Dasar I ada menyatakan tentang peranan BM (Kementerian Pelajaran dan Kesihatan NBD, 1984: 5):

"To establish a bilingual system of education in which Malay (the national language) and English are to be of equal importance".

Daripada gambaran ringkas tentang pembentukan Dasar Pelajaran Kebangsaan Brunei di atas itu, dapatlah dibuat kesimpulan awal bahawa BM harus bersaing dengan bahasa Inggeris di dalam bidang pembelajaran bahasa di kalangan murid-murid dan pelajar-pelajar. Dipandang dari sudut penguasaan bahasa di kalangan kanak-kanak, dasar pelajaran yang sedemikian itu boleh mewujudkan gangguan kepada mereka dalam penguasaan bahasa Melayu dengan sempurna.